


Lampiran H1 - Tatacara Permohonan Potongan Cukai Bagi Derma/Sumbangan/Tajaan Untuk Aktiviti Pelajar (Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967)

1. Pihak Pelajar/PTj menyediakan kertas kerja beserta surat kelulusan menjalankan program/aktiviti yang telah ditandatangani oleh pihak berkuasa melulus kepada pihak CARIA; atau
2. Pihak penyumbang menyatakan hasrat untuk memberi sumbangan kepada CARIA.
3. Pihak CARIA menyemak permohonan pelajar/PTj, kecukupan dokumen dan mengemukakan permohonan pengecualian cukai tersebut kepada pihak Bendahari untuk kelulusan pengeluaran surat pengecualian cukai.
4. Setelah mendapat kelulusan, pihak penyumbang boleh memberi sumbangan kepada UM.
5. Pihak Bendahari mengesahkan sumbangan yang diterima dan mengeluarkan resit pengecualian cukai.
6. Pihak penyumbang melampirkan resit yang telah dicop pengecualian cukai tersebut semasa membuat taksiran cukai kepada LHDN.


Carta Alir Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Subseksyen 44(6) ACP 1967



**Lampiran H2 - Tatacara Permohonan Potongan Cukai Dua Kali (*Double Tax Deduction*)
Bagi Derma/Sumbangan/Tajaan Untuk Aktiviti Penyelidikan (Di Bawah Seksyen 34B ACP
1967)**

1. Penyelidik UM menyediakan kertas kerja untuk menjalankan aktiviti R&D dan mengemukakan kepada IPPP untuk semakan dan kelulusan; atau
2. Pihak penyumbang menyatakan hasrat untuk memberi sumbangan kepada CARIA. CARIA mengenalpasti jenis sumbangan sama ada penyelidikan atau bukan penyelidikan.
3. Setelah mendapat kelulusan, penyumbang boleh memberi sumbangan kepada UM.
4. Pihak Bendahari mengesahkan sumbangan yang diterima dan mengeluarkan resit rasmi.
5. IPPP mengeluarkan surat kelulusan potongan cukai kepada penyumbang beserta resit rasmi.
6. Pihak penyumbang melampirkan resit dan surat kelulusan pengecualian cukai tersebut semasa membuat taksiran cukai kepada LHDN.

Carta Alir Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Seksyen 34(B) ACP 1967



Lampiran H3 - Tatacara Permohonan Potongan Cukai Bagi Derma/Sumbangan/Tajaan Untuk Endowmen & Wakaf (Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP 1967)

1. PTJ mengemukakan permohonan lengkap kepada CARIA untuk mendapatkan kelulusan PBM bagi penubuhan tabung endowmen/wakaf dan menjalankan program/aktiviti; atau
2. Pihak penyumbang menyatakan hasrat untuk memberi sumbangan endowmen/wakaf kepada CARIA.
3. Pihak CARIA menyemak permohonan PTJ dan mendapatkan kelulusan PBM. Setelah kelulusan diperolehi daripada PBM, permohonan pengecualian cukai dihantar kepada Bendahari.
4. Pihak Bendahari menyemak dokumen yang dikemukakan oleh CARIA dan menghantar permohonan potongan cukai bagi endowmen/wakaf kepada LHDN untuk kelulusan.
5. Setelah mendapat kelulusan, penyumbang boleh menyalurkan dana endowmen/wakaf kepada UM.
6. Pihak Bendahari mengesahkan sumbangan yang diterima dan mengeluarkan resit pengecualian cukai.
7. Pihak penyumbang melampirkan resit yang telah dicop pengecualian cukai tersebut semasa membuat taksiran cukai kepada LHDN.

Carta Alir Permohonan Pengecualian Cukai Bagi Subseksyen 44(11D) ACP 1967

